

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

6 faktor lemahkan prestasi ringgit

6 faktor lemahkan prestasi ringgit

Mata wang catat paras terendah 4.6502 berbanding satu dolar AS

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Prestasi lemah ringgit berbanding negara serantau disebabkan enam faktor yang memberi tekanan kepada mata wang tempatan itu, demikian menurut OCBC Bank.

Dalam laporan tinjauan ekonomi separuh keduanya 2023, bank itu berkata, faktor luaran termasuk penurunan renminbi ekoran kelemahan ekonomi China, kekuatan dolar Amerika Syarikat (AS), kadar pulangan hasil pertembangraan AS yang jauh lebih tinggi daripada Malaysia serta kelemahan umum dalam harga minyak.

Katanya faktor domestik pula termasuk lebihan akaun semasa yang semakin berkurangan dan langkah berhati-hati Bank Negara Malaysia (BNM) mengetarkan

dasar monetari selepas penurunan Indeks Harga Pengguna (IHP) utama.

Mata wang tempatan mencatat paras harian terendah 4.6502 berbanding dolar AS pada sesi pagi semalam yang juga terendah dalam tempoh tujuh bulan iaitu pada 11 November 2022.

“Memandangkan faktor ini, ringgit mungkin terus mengalami tekanan dalam jangka pendek. Untuk mengukuhkan lainnya, beberapa faktor luaran perlu dipulihkan.

“Penyusutan renminbi perlu diperlakukan atau dibalikkan, data China seharusnya menunjukkan pertumbuhan (dengan harapan China menggliatkan semula perdagangan) dan/atau langkah Rizab Persekutuan (Fed) menghentikan kenaikan kadar (iaitu kitaran mengetarkan dasar berakhir atau peralihan kepada pemotongan kadar) untuk mengurangkan kekuatan dolar AS serta kadar hasil Pertembangraan AS turun ke paras lebih rendah.

“Unjurian kami bagi gandingan dolar AS/ringgit ialah RM4.50 pada akhir 2023 dan RM4.40 pada akhir 2024.

“Di samping itu, kitaran kena-

ikan berpanjangan dalam harga komoditi juga tidak mungkin berlaku buat masa ini, lantas menebakkan kelemahan luaran Malaysia,” katanya.

Tinjauan itu disediakan Ketua Ekonomi OCBC Bank, Selena Ling dan Pakar Ekonominya, Lavanya Venkateswaran.

Harga minyak kembali pulih
Mengulas lanjut, bank itu berkata, harga minyak jatuh daripada tahap tertinggi selepas pandemik, tetapi kekal melebihi purata sebelum pandemik.

“Kami meramalkan minyak Brent pada harga purata AS\$90 setengah bagi 2023 berbanding harga semasa AS\$74 setengah dan ini memberikan andaian berlaku kenaikan selanjutnya sehingga hujung tahun.

“Kami meramalkan secara khusus harga minyak kembali pulih separuh kedua 2023 sambil stok minyak terkumpul mula berkurangan dan pasaran berbalik kepada situasi deficit fizikal.

“Dalam pada itu, harga minyak turun lebih separuh dari-

pada paras tertinggi rekod tahun lalu, tetapi masih melebihi purata sebelum pandemik,” katanya.

Bank itu menambah, penurunan harga komoditi mencerminkan bekalan minyak makanan global yang bertambah baik dan pengurangan premium minyak sawit berbanding minyak lain yang menjadi pesaingnya seperti kacang soya dan biji sesawi.

“Di samping itu, permintaan lebih rendah dari India, negara pengimpor penting serta bekalan tinggi dari Indonesia dan Malaysia menambah kepada sentimen negatif bagi harga minyak sawit.

“Bagi tempoh selanjutnya tahun ini, kami meramalkan bekalan minyak sawit kembali normal sambil kekurangan buruh dalam sektor minyak sawit mentah (MSM) Malaysia mula reda.

“Walaupun begitu, risiko berkaitan El Nino perlu dipantau rapi,” katanya.

Faktor domestik pula termasuk lebihan akaun semasa yang semakin berkurangan dan langkah berhati-hati BNM mengetarkan dasar monetari selepas penurunan Indeks Harga Pengguna utama

Selena Ling,
Ketua Ekonomi OCBC Bank

